

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM**
[PASIR GUDANG]

TARIKH : **3 JULAI 2019**

SOALAN NO.170

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk merangka pelan induk Kenderaan Elektrik (EV) supaya Malaysia bersedia untuk menghadapi perubahan di dalam industri kereta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri automotif merupakan elemen penting dan strategik dalam sektor perkilangan di Malaysia. Industri automotif serta sektor yang berkaitan automotif telah menyumbang hampir 4% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dan menggunakan lebih daripada 700,000 pekerja.
2. Salah satu objektif Dasar Automotif Nasional 2014 adalah untuk membangunkan Malaysia sebagai hab automotif serantau khususnya bagi segmen kenderaan bertenaga efisien (*Energy Efficient Vehicle – EEV*), yang turut merangkumi kenderaan elektrik.
3. Pada masa ini, terdapat peningkatan penggunaan kenderaan EEV di Malaysia. Penembusan pasaran bagi kenderaan EEV telah meningkat daripada 14% jumlah jualan kereta (*Total Industry Volume - TIV*) pada

tahun 2014 kepada 62% TIV pada tahun 2018. Kerajaan menasaskan penembusan pasaran EEV akan terus meningkat kepada 85% daripada TIV pada tahun 2020.

4. Walau bagaimanapun, pada masa ini, kadar penggunaan kenderaan elektrik adalah rendah di Malaysia kerana harga kenderaan dan kos penyelenggaraan yang tinggi serta kekurangan infrastruktur dan ekosistem berkaitan. Di samping itu, tahap kesedaran pengguna adalah rendah. Pada masa ini, Malaysia hanya mempunyai 234 buah stesen pengecas kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sehubungan itu, bagi memastikan industri automotif negara kekal berdaya saing, Kerajaan buat masa ini sedang dalam proses kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014. Kajian semula NAP akan menerapkan elemen-elemen baharu seperti *Next Generation Vehicles* (NXGV), Mobiliti, Revolusi Industri (IR) 4.0 yang selaras dengan kemajuan teknologi mobiliti dan Industri 4.0. Kajian ini juga akan mengambil kira pembangunan kenderaan elektrik serta ekosistemnya.

6. Penerapan elemen-elemen baharu ini adalah penting bagi memastikan industri automotif tempatan selari dengan perkembangan semasa global. Ini termasuk NXGV berdasarkan tenaga hijau, *plug-in battery* serta keupayaan *connectivity*.

7. Kajian semula NAP ini akan membincangkan perkara-perkara berkaitan pembangunan industri automotif tempatan termasuk kenderaan elektrik seperti pembangunan syarikat-syarikat tempatan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), peningkatan eksport dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 171

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal merebaknya penyakit "rabies".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk mengawal penularan wabak rabies di negara ini, pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang melibatkan kerjasama dengan pelbagai pihak. Dalam hubungan ini, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut: -
 - i. menjalankan surveilan penyakit rabies secara berterusan melalui Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan dan bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi notifikasi kes gigitan pada manusia;
 - ii. membangunkan pengkalan data penduduk serta pemetaan (*mapping*) bagi setiap negeri dan daerah untuk meningkatkan keberkesanan kawalan wabak rabies dan menguatkuasakan undang-undang kecil termasuk pelesenan anjing serta menasihati pemilik haiwan untuk mengurung anjing di dalam rumah;
 - iii. mengadakan kempen kesedaran awam dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Penerangan Negeri dalam menguar-uarkan risiko penyakit rabies.;
 - iv. mengadakan kerjasama dengan pihak Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Ahli Majlis bagi aktiviti kawalan dan pembasmian penyakit dengan membantu hebahan kepada masyarakat melalui kumpulan media sosial seperti aplikasi *Whatsapp*, *Telegram* dan *Instagram*; dan

- v. mengadakan kerjasama dan perbincangan dengan pihak badan bukan kerajaan (NGO) untuk memahami tindakan kawalan penyakit rabies dan peranan NGO dalam memastikan kawalan ini dapat dijalankan dengan berkesan, cepat dan tepat.
2. Dalam pada itu, operasi bersepadu secara berfasa telah dimulakan pada Mac 2019 yang melibatkan seramai 500 orang petugas setiap fasa bagi mengawal merebaknya wabak rabies. Petugas yang terlibat adalah daripada pelbagai agensi termasuk Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, PBT, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Pasukan Gerakan Am (PGA), Sarawak *Forestry* dan DVS. Objektif operasi ini dijalankan adalah untuk: -
 - i. memvaksin sekurang-kurangnya 70% daripada populasi anjing bertuan di seluruh negeri Sarawak. Anggaran populasi anjing bertuan sebanyak 225,000 ekor;
 - ii. mengawal populasi anjing terbiar yang berisiko sebagai pembawa penyakit rabies; dan
 - iii. memberi kesedaran kepada orang awam mengenai penyakit rabies.
3. Sehingga kini, operasi bersepadu fasa ketiga telahpun dijalankan pada 13 hingga 31 Mei 2019 melibatkan aktiviti seperti berikut: -
 - i. pemantauan pasif dan aktif pada haiwan telah dilakukan dalam lingkungan 10km dari lokasi yang disahkan positif rabies dengan sebanyak 1008 ekor anjing telah diperiksa;

SOALAN NO : 171

- ii. pemvaksinan dijalankan di dalam 10km radius dari lokasi yang telah disahkan rabies dengan jumlah sebanyak 905 ekor anjing (dos pertama) dan 103 ekor anjing (dos kedua) telah divaksin;
- iii. pemusnahan sebanyak 334 ekor anjing dan 8 ekor kucing yang telah disyaki rabies di dalam 10km radius dari lokasi yang disahkan positif rabies; dan
- iv. menjalankan kempen kesedaran di dalam 10 km radius dari kawasan yang telah disahkan rabies dengan penyertaan sebanyak 373 orang peserta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN

TARIKH : 03 JULAI 2019

RUJUKAN : 11741

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan ahli-ahli, tugas-tugas Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS), termasuk Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal, yang ditubuhkan ekoran laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Pendatang Asing di Sabah pada 2014. Apakah rancangan dan tindakan telah dan bakal diambil JKPWAS bagi menangani isu dokumentasi dan pengurusan warga asing di Sabah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, menyusuli pengumuman hasil dapatan dan juga rekomendasi Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Pendatang Asing di Sabah, Kerajaan telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang terbahagi kepada dua tier iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) dan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Teknikal). Kedua-dua Jawatankuasa dianggotai oleh Jabatan/Agensi/Bahagian Persekutuan dan Negeri yang terlibat dengan pengurusan warga asing di Sabah yang antara lainnya adalah Jabatan Ketua Menteri Sabah, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta beberapa Jabatan/Agensi yang lain.

Jawatankuasa ini juga sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi isu-isu berbangkit dalam melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya melalui mesyuarat yang dijadualkan secara berkala sepanjang tahun

Antara tindakan yang telah dilaksanakan Kerajaan melalui JKPWAS adalah seperti berikut:

1. Menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah. Kesungguhan JKPWAS untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran yang dilaksanakan bermula dari tahun 1990 sehingga 21 Jun 2019 yang berjumlah seramai 584,086 orang;
2. Kedua, kerjasama dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang hendak diusir ke negara asal;

3. Ketiga, JKPWAS melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Komunikasi Induk juga memainkan peranan dalam menyelaraskan program kesedaran dan melaksanakan hebahan program serta aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi antara lain adalah seperti ESSCOM, MKN dan Jabatan Penerangan Negeri Sabah berhubung isu-isu berkaitan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah dan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa diutamakan; dan
4. Keempat, pihak Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara di Sabah yang telah berkuat kuasa pada 15 September 2015 yang bertujuan untuk membezakan dengan jelas dokumen pendaftaran kelahiran bagi Warganegara dan Bukan Warganegara di Sabah. Oleh itu, terma 'Sijil Kelahiran' pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhususkan kepada Warganegara sahaja.